

http://www.konsumerkini.net.my/v1/images/stories/images/images_08102010_food.jpg



Agensi Makanan dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyatakan bahawa 166 juta orang di 22 buah negara di dunia ini menghadapi kebuluran atau kesukaran untuk mendapatkan makanan yang mencukupi.

Peperangan, bencana alam dan pengurusan yang lembap telah menyebabkan kekurangan makanan dan zat yang berterusan di negara-negara tersebut, termasuk Afghanistan, Haiti, Iraq, Somalia dan Sudan.

Negara yang melaporkan krisis makanan sekurang-kurangnya lapan tahun dan menerima sebanyak sepuluh peratus bantuan daripada negara asing akan dianggap menghadapi kekurangan makanan yang berterusan.

Laporan juga menyatakan bahawa krisis yang berterusan ini merupakan satu kemusnahan yang kekal. Di samping itu, pemulihan akan menjadi semakin sukar dari masa ke masa.

Di antara 22 negara ini, penduduk yang mengalami kekurangan zat makanan adalah tiga kali lebih tinggi daripada negara-negara membangun.

Menurut Pegawai PBB, 1,800 kalori per sehari dianggap sebagai pengambilan tenaga minimum untuk sehari. Sesiapa yang tidak dapat memenuhi keperluan ini akan dianggap kekurangan zat atau menghadapi kelaparan 'kronik'.

Negara-negara yang berhadapan dengan krisis yang berterusan ini memerlukan bantuan bagi menghadapi masalah ini. Fokusnya tidak hanya pada bantuan kecemasan tetapi juga pada bantuan jangka masa panjang, seperti menyediakan makanan untuk sesi persekolahan atau melaksanakan program makanan-untuk-pekerjaan.

Selain itu, laporan kajian menyatakan bahawa rangsangan pasaran juga merupakan pertolongan jangka panjang yang berkesan, misalnya melalui pembelian makanan atau bahan

keperluan daripada pembekal tempatan.

Pada masa ini, sebahagian besar bantuan untuk negara-negara ini dalam bentuk bantuan kemanusiaan sahaja. Sebagai contoh, di Somalia, bantuan kemanusiaan sebanyak 64 peratus.

Namun, secara globalnya, hanya sekitar 10 peratus daripada bantuan kepada negara-negara yang terancam ini termasuk ke dalam bantuan kemanusiaan secara langsung, dan biasanya bertujuan untuk meningkatkan produktif per kapasiti.

Dalam kenyataan yang dibuat oleh Jacques Diouf, pengarah Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan Josette Sheeran, pengarah Program Makanan Sedunia (World Food Program, WFP), mereka berpendapat bahawa adalah penting untuk memberikan bantuan kepada negara yang menghadapi krisis makanan secara berterusan. Ia dapat menyelamatkan nyawa dan juga menolong negara tersebut untuk membaik pulih kepada keadaan yang lebih baik.

Negara lain yang turut mengalami krisis makanan adalah: Angola, Burundi, Republik Afrika Tengah, Chad, Congo, Korea Utara, Republik Demokratik Congo, Eritrea, Ethiopia, Guinea, Pantai Gading, Kenya, Liberia, Sierra Leone, Tajikistan, Uganda dan Zimbabwe .

FAO mengatakan pada bulan September 2010, jumlah orang yang mengalami kebuluran di seluruh dunia telah menurun daripada 1 bilion kepada 925 juta orang.

Di Malaysia, kita jarang mengalami kes kebuluran, tetapi yang sering kita dapati adalah orang yang membazirkan makanan.

Makanan merupakan sebahagian keperluan asas yang perlu dinikmati setiap pengguna, tetapi ramai orang di dunia ini tiada peluang untuk mendapatkan hak ini.

Kesimpulannya, hargai makanan anda, habiskan setiap makanan.



Sam Wong
Persatuan Pengguna-Pengguna Standard Malaysia